



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19 (KONTRAK)**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang dilahirkan serta bermastautin di Negeri Pulau Pinang dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.

1. (a) Jawatan : Pegawai Khidmat Pelanggan  
(b) Kekosongan : Satu (1)  
(c) Jabatan : Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(f) Gred : N19

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N19	RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 115.00  
Perumahan : RM 300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM 350.00

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (i) Warganegara Malaysia;  
(ii) Berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**SYARAT LANTIKAN KE GRED N19**

- a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19:RM1,352.00); atau
- b. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19:RM1,408.40); atau

- c. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80);
- d. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang memiliki keputusan **Cemerlang** dalam subjek **Bahasa Inggeris** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DAN**

Syarat Lantikan Tambahan: Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 4. Taraf Jawatan : Kontrak
- 5. Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab dalam mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon, melayani pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan secara tertib dan mesra, memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh agensi, membantu pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan sehingga isu berbangkit selesai. Merekod dan memantau aduan perkhidmatan sehingga selesai dan memaklumkan kepada pelanggan/tetamu dari semasa ke semasa perkembangan di atas aduan pelanggan/tetamu.

**6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 FEBRUARI 2022 (ISNIN)**

**CARA MEMOHON**

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi melalui laman sesawang di [www.penangmuseum.gov.my](http://www.penangmuseum.gov.my) atau facebook/muziumnegeripulaupinang.

- (ii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi dengan terang.
- (iii) Semua borang permohonan hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport, butiran diri (resume) yang menyatakan kelayakan akademik, pengalaman bekerja, kad pengenalan, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan yang telah disahkan daripada salinan asal.
- (iv) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.
- (v) Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada :-

**Bahagian Pentadbiran (Perjawatan)  
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang  
Bilik Orkid, Aras 3, Dewan Sri Pinang  
Jalan Tun Syed Barakbah  
10450 George Town, Pulau Pinang**

- (vi) Permohonan yang lewat dan tidak lengkap tidak akan diterima untuk pertimbangan.

#### **CATATAN AM**

- (i) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan akan dipanggil temu duga.
- (ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (iii) Segala perbelanjaan bagi urusan temu duga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (iv) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.
- (v) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang cergas dan mempunyai daya inisiatif / komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 (KONTRAK)**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang dilahirkan serta bermastautin di Negeri Pulau Pinang dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.

1. (a) Jawatan : Pengawal Keselamatan  
(b) Kekosongan : Dua (2)  
(c) Jabatan : Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(f) Gred : KP11

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
KP11	RM1,205.00	RM2,939.00	RM80.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 95.00  
Perumahan : RM 300.00  
Bantuan Sara Hidup : RM 350.00

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(i) Warganegara Malaysia;

(ii) Berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan keutamaan adalah pada calon-calon lelaki;

**SYARAT LANTIKAN KE GRED KP11**

a. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00); atau

b. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).

(iii) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan a) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (iv) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:-
- a. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - b. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - c. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - d. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
  - e. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - f. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - g. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 FEBRUARI 2022 (ISNIN)**

#### **CARA MEMOHON**

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang boleh diperolehi melalui laman sesawang di [www.penangmuseum.gov.my](http://www.penangmuseum.gov.my) atau facebook/muziumnegeripulaupinang.
- (ii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi dengan terang.
- (iii) Semua borang permohonan hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport, butiran diri (resume) yang menyatakan kelayakan akademik, pengalaman bekerja, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan yang telah disahkan daripada salinan asal.
- (iv) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.
- (v) Semua permohonan hendaklah dialamatkan seperti berikut :-

**Bahagian Pentadbiran (Perjawatan)  
Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang  
Bilik Orkid, Aras 3, Dewan Sri Pinang  
Jalan Tun Syed Barakbah  
10450 George Town, Pulau Pinang**

- (vi) Permohonan yang lewat dan tidak lengkap tidak akan diterima untuk pertimbangan.

#### **CATATAN AM**

- ✚ Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan akan dipanggil temu duga.
- ✚ Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- ✚ Segala perbelanjaan bagi urusan temu duga hendaklah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- ✚ Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.